

PERBEZAAN DIALEK DAN UNGKAPAN UNIK DI KELANTAN

AINAASLIZA BT CHE ZUHARI

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN**

2011



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh
18 Januari 2012

Ainaasliza Bt Che Zuhari
C08a031

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana diatas limpah dan kurnia-Nya dan dengan keizinan-Nya dapat saya menyiapkan kajian yang bertajuk “Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan”.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Farok Bin Zakaria selaku penyelia utama yang sentiasa prihatin dan banyak memberi bimbingan, panduan, dorongan dan memberikan pelbagai idea yang berguna sepanjang saya menjalankan kajian ini sehingga selesainya kajian ini.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan buat kedua ibu bapa saya yang banyak memberi dorongan dan sokongan kepada saya dalam menjalankan kajian ini memandangkan mereka juga turut menyedari bahawa kajian yang saya lakukan ini adalah perlu bukan sahaja demi memenuhi syarat malah juga untuk memperkasakan lagi warisan bahasa di Kelantan yang kian terpinggir, tidak lupa juga kepada keluarga yang sentiasa membantu saya dalam pelbagai sudut sepanjang saya bertungkus lumus menyiapkan kajian ini. Juga tidak lupa kepada teman dan sahabat handai saya yang juga banyak membantu dan sentiasa ada untuk saya berkongsi segala pembelajaran dan pengetahuan sepanjang kajian ini. Malahan juga tidak saya lupa untuk berterima kasih kepada responden yang sudi memberi kerjasama yang dapat memberi input dan maklumat yang berguna untuk saya muatkan dalam kajian ini.

Walaupun pelbagai masalah dan kekangan yang saya hadapi dalam menjalankan kajian ini, namun dengan adanya bimbingan, bantuan, sokongan dan dorongan dari semua, maka dapatlah saya siapkan kajian “Perbezaan Dialek Dan Ungkapan Unik di Kelantan” sepenuhnya.

Abstrak

Dialek merupakan satu perkara yang dapat melambangkan budaya, identiti dan juga lambang sesebuah negeri. Kelantan merupakan sebuah negeri yang cukup kaya dan indah dialeknnya. Mempunyai keunikan yang tersendiri malahan menjadikan negeri Kelantan begitu istimewa, bukan sahaja kaya dengan budaya malahan juga kaya dengan warisan bahasa yang begitu indah dan halus. Walaupun loghat yang disebut kedengaran agak kasar dan pelik namun disebaliknya terkandung maksud yang pelbagai.

Dialek terbentuk daripada amalan budaya masyarakat itu sendiri yang mana memainkan peranan yang begitu penting dalam melestarikan warisan yang amat berharga ini agar terus terpelihara. Diaplikasikan dalam percakapan harian dialek ini telah menjadi satu bahasa komunikasi yang sentiasa akan digunakan namun masih lagi ada sesetengah orang yang tidak dapat memahaminya malah ada yang tidak dapat menerimanya sebagai bahasa tradisi masyarakat sendiri.

Dialek Kelantan yang digunakan oleh masyarakat Kelantan sejak zaman berzaman adalah begitu berharga kerana hanya sesetengah orang sahaja yang masih lagi tahu cara menyebut berserta maksudnya contohnya adalah seperti warga emas yang masih lagi menggunakannya dalam komunikasi harian mereka, bukan sahaja berintonasi yang lembut malahan cukup unik.

Kajian ini dijalankan bagi memperoleh dan mencungkil dialek-dialek yang digunapakai oleh orang Kelantan di beberapa daerah di Kelantan, malahan juga bagi mengkaji perbezaan dialek diantara daerah-daerah berserta ungkapan uniknya yang suatu ketika dahulu pernah digunakan oleh nenek moyang kita malah melihatnya sebagai satu khazanah yang begitu berharga untuk dipelihara dan dipulihara.

Abstract

Dialect is the one thing that can symbolize the culture, identity and a symbol of a country. Kelantan is a state rich enough and beautiful dialect. Has its own unique state of Kelantan but also make it special, not only rich in cultural heritage but also rich in language so beautiful and delicate. Although referred to accent sounded a bit harsh and strange, but on the other contained a variety of purposes.

Dialect forms of cultural practice itself which plays a very important role in preserving this precious heritage to be preserved. Applied in daily speech dialect has become a language of communication will always be used but they still have some people who cannot understand even that cannot be accepted as a language of its own traditions. Kelantan dialect used by the community in the past is so valuable because only some people who still know how to say with meaning such as senior citizens who still use them in their daily communication, not only intonation a soft but unique.

This study was conducted to acquire and lever the dialects used by the people of Kelantan in several districts in the state, but also to study the dialect differences between the districts with unique expressions that were once used by our ancestors but also see it as a treasure so valuable to be kept and preserved.

ISI KANDUNGAN

| | | |
|---------------------------------|------------------------------------|------------|
| Pengakuan | | i |
| Penghargaan | | ii |
| Abstrak | | iii |
| Abstract | | iv |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.0 Pengenalan | 1 |
| | 2.0 Objektif Kajian | 4 |
| | 3.0 Penyataan Masalah | 5 |
| | 4.0 Skop Kajian | 7 |
| | 5.0 Kepentingan Kajian | 8 |
| | 6.0 Kerangka Teori | 9 |
| | 7.0 Batasan Kajian | 9 |
| | 8.0 Terminologi | 10 |
| | 9.0 Struktur Laporan | 12 |
| BAB 2: SOROTAN KAJIAN | | |
| | 2.0 Definisi Dialek | 15 |
| | 2.1 Dialek Kelantan | 17 |
| | 2.2 Ciri-ciri Dialek | 19 |
| | 2.3 Elemen Bahasa Dan Dialek | 20 |
| | 2.4 Perbezaan Dialek | 22 |
| | 2.5 Faktor-faktor Kewujudan Dialek | 27 |
| | 2.6 Kepupusan Dialek | 29 |
| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | | |
| | 3.0 Pengenalan | 32 |
| | 3.1 Kaedah Pengumpulan Data | 34 |
| | 3.1.1 Data Primer | 35 |

| | | |
|---------------------------------------|--|----|
| 3.1.2 | Data Sekunder | 35 |
| 3.2 | Kajian Lapangan | 35 |
| 3.2.1 | Kaedah Temubual | 36 |
| 3.2.2 | Kaedah Pemerhatian | 38 |
| 3.2.3 | Kaedah Perpustakaan | 39 |
| 3.2.4 | Sumber Internet | 40 |
| BAB 4: DAPATAN KAJIAN | | |
| 4.1 | Pengenalan | 41 |
| 4.2 | Responden | 42 |
| 4.3 | Analisis Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan | 42 |
| BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN | | |
| 5.0 | Pengenalan | 63 |
| 5.1 | Cadangan dan Kepentingan | 64 |
| 5.2 | Kesimpulan | 69 |
| Bibliografi | | 71 |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dialek kelantan merupakan satu bahasa yang begitu indah dan halus maknanya. Meskipun kedengaran agak susah untuk dituturkan dan begitu payah untuk difahami bagi masyarakat lain namun ianya merupakan satu dialek yang begitu indah dan kaya maksudnya malahan mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi sebutan dan juga maksudnya. Bagi sesetengah masyarakat mereka berpendapat dialek Kelantan adalah kasar dan agak tidak sopan. Walaubagaimanapun jika difahami dan diteliti maksudnya, dialek tersebut sememangnya mempunyai maksud yang halus dan kaya nilainya bagi masyarakat Kelantan.

Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang terletak dibahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kelantan juga cukup dikenali kerana begitu kaya dengan warisan seni budaya yang begitu unik dan tersendiri. Menurut Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh menerusi makalahnya yang dipetik dalam catatan Nakula (Abdullah Mohamad) yang menyatakan bahawa sejak ribuan tahun dahulu negeri Kelantan telah dikenali sebagai “Medang Kamulan” sebelum bertukar kepada “Tanah Serendah Sekebun Bunga”.

Pengkaji memilih untuk membuat kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan sebagai tajuk kajian. Malahan pengkaji akan menjalankan kajian di beberapa daerah dalam negeri Kelantan antaranya ialah daerah Kuala Krai, Pasir Mas, Pasir Putih dan juga Kota Bharu. Pada hari ini kebanyakan generasi muda tidak lagi menggunakan ungkapan-ungkapan yang suatu ketika dahulu begitu sehati dalam jiwa masyarakat Kelantan. Malahan kebanyakan orang-orang Kelantan yang berhijrah ke luar negeri juga tidak lagi menggunakan dialek atau loghat Kelantan dalam percakapan harian mereka sekaligus menyebabkan dialek Kelantan semakin dipinggirkan. Dapat dilihat juga pada hari ini kita tidak lagi menyedari bahawa betapa penting dan berharganya dialek Kelantan sebagai warisan yang begitu agung untuk dijaga dan dipelihara. Kebanyakan generasi pada hari ini juga tidak ramai yang mengetahui bahawa dialek yang diguna dan dituturkan dalam setiap daerah di negeri Kelantan adalah berbeza samaada dari segi sebutannya mahupun maksudnya. Perbezaan dialek ini juga mungkin berbeza disebabkan faktor geografi, faktor sekeliling mahupun pengaruh dari luar yang dibawa masuk ke daerah

tersebut yang menyebabkan berlakunya perbezaan dialek dalam bentuk sebutan, maksud dan sebagainya.

Pengkaji merasa terpanggil untuk mengkaji dengan lebih mendalam memandangkan dialek yang semakin dipinggirkan ini merupakan harta warisan dan begitu penting untuk dikekalkan penggunaannya, hal ini kerana jika tiadanya tindakan yang dikemukakan kepada masyarakat maka sudah tentulah dialek yang menjadi kebanggaan dan identiti diri ini akan terus terpinggir dan terus lenyap dalam kalangan masyarakat hari ini terutamanya generasi muda yang merupakan bakal pewaris kepada harta nenek moyang yang begitu berguna dalam kehidupan kita sekalian sebagai penduduk jati Kelantan.

Dialek menurut pandangan dan tafsiran Mario Pei dan Frank Gaynor (1954:50) dalam Dictionary of Linguistics mentakrifkan dialek sebagai, “Suatu bentuk bahasa, dituturkan dikawasan atau didaerah tertentu serta memperlihatkan perbezaan yang memadai dengan bentuk baku atau bentuk persuratan bahasa tersebut dari segi sebutan, binaan tatabahasa dan penggunaan perkataan secara idiomatic untuk dianggap ketara berbeza, namun perbezaan tersebut belum begitu banyak atau meluas daripada dialek-dialek lain dalam bahasa tersebut untuk dianggap sebagai bahasa yang berbeza.”

Dialek Kelantan merupakan satu-satunya bahasa yang digunakan oleh masyarakat Kelantan dalam percakapan harian. Dialek ini digunakan oleh mereka dalam pertuturan harian bertujuan untuk menyampaikan maklumat, atau makna yang terhasil daripada akal pemikiran mereka kepada audien atau dengan kata yang lain ialah bertujuan untuk berinteraksi antara satu sama lain mengenai pelbagai perkara. Disini dapat dilihat bahawa sesebuah masyarakat terbina dengan adanya penggunaan bahasa yang difahami oleh anggota-anggota masyarakat tersebut. Dengan adanya penggunaan bahasa dalam berkomunikasi juga maka masyarakat tersebut mempunyai keupayaan untuk menyampai dan menerima maklumat dengan mudah dan berkesan.

2.0 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini ialah mengkaji perbezaan dialek antara beberapa daerah di Kelantan seperti Pasir Putih, Pasir Mas, Kuala Krai, dan Kota Bharu berserta ungkapan uniknya. Adalah penting bagi pengkaji mencapai objektif umum ini memandangkan kebanyakan anak-anak muda pada zaman urbanisasi kini tidak lagi mempunyai kesedaran bahawa dialek yang digunakan oleh masyarakat Kelantan adalah berbeza mengikut tempat atau daerahnya. Hal ini dapat dibongkarkan apabila secara tidak langsung pengkaji menyedari bahawa terdapatnya perbezaan dialek yang digunakan setelah pengkaji berada di dalam kelompok masyarakat yang sedang berinteraksi antara satu sama lain. Dengan itu pengkaji merasakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kepada pengkaji untuk membongkar setiap perbezaan yang terdapat dalam dialek yang dituturkan oleh masyarakat di beberapa daerah tersebut. Disamping itu juga pengkaji

akan mengkaji beberapa dialek yang kedengaran agak unik dituturkan oleh penduduk di daerah yang telahpun dipilih oleh pengkaji. Hal ini kerana adalah berguna bagi pengkaji untuk menyelidik keunikan tersebut supaya masyarakat moden kini tahu akan kelebihan yang ada pada bahasa pertuturan kita seharian.

Manakala objektif khususnya ialah:

- i. Mengenalpasti samaada setiap dialek yang digunakan di setiap daerah mempunyai maksud yang sama tetapi berlainan sebutan ataupun tidak.
- ii. Menyelidik samaada adakah terdapat ungkapan unik di keempat-empat daerah tersebut.
- iii. Mengenalpasti samaada adakah ungkapan unik ini diketahui umum oleh masyarakat di negeri Kelantan.

3.0 Penyataan Masalah

Penyataan masalah yang ingin dikemukakan dalam kajian terhadap perbezaan dialek dan ungkapan unik di Kelantan ini ialah adakah masyarakat hari ini masih lagi menggunakan dialek asal negeri Kelantan dalam percakapan harian mereka. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat Kelantan tidak lagi mementingkan bahasa yang mereka gunakan sekaligus seolah-olah cuba untuk menghapuskan identiti yang selama ini menunjukkan dan membuktikan bahawa kita masih lagi mempunyai semangat jati diri yang tinggi.

Selain itu juga adakah generasi-generasi muda pada hari ini masih lagi mengguna dan memahami nilai dalam setiap ungkapan dialek Kelantan yang mereka gunakan. Berita Harian, Rabu, 20 Ogos 2008 melaporkan dalam artikel yang bertajuk Kayanya Dialek Kelantan oleh Basirah Arifin “adalah penting mencari gali khazanah kekayaan dialek Kelantan agar tidak luput ditelan zaman. Disamping berupaya meningkatkan kefahaman generasi muda tentang penggunaan bahasa lama yang jarang digunakan dan tidak sehati dalam kehidupan mereka”.

Negeri Kelantan mempunyai banyak daerah-daerah seperti Pasir Mas, Pasir Putih, Kuala Krai dan sebagainya. Malahan dalam setiap daerah itu juga mempunyai perbezaan dialek yang tersendiri, walaupun mempunyai maksud yang sama namun ungkapan dan sebutannya adalah berbeza. Adakah masyarakat sekarang sedar dan tahu akan hal tersebut.

Jika dilihat pada perbezaan dialek antara daerah-daerah di Kelantan terdapat juga dialek-dialek yang kedengaran agak pelik dan agak sukar untuk disebut atau dalam erti kata lain ada keunikannya yang tersendiri. Walaubagaimanapun adakah empat daerah iaitu Pasir Putih, Pasir Mas, Kuala Krai, dan Kota Bharu mempunyai ungkapan yang unik dalam dialek yang mereka gunakan dalam percakapan harian mereka.

4.0 Skop Kajian

Dalam kajian ini pengkaji hanya akan melakukan kajian terhadap dialek-dialek di Negeri Kelantan sahaja. Selain itu pengkaji juga hanya mengkaji dalam ruang lingkup masyarakat Kelantan sahaja iaitu merangkumi empat daerah sahaja seperti Pasir Putih, Pasir Mas, Kuala Krai dan Kota Bharu.


Malahan juga pengkaji bukan sahaja mengkaji dialek-dialek yang ada di keempat-empat daerah tersebut malahan pengkaji juga akan mengkaji keunikan dialek yang turut digunakan dalam masyarakat keempat-empat daerah tersebut. Hal ini kerana dialek-dialek ini tidak lagi diketahui oleh masyarakat umum mungkin juga disebabkan oleh faktor persekitaran dan juga penghijrahan masyarakat ke luar Negeri Kelantan.

Selain itu pengkaji juga memilih warga emas dan orang dewasa sahaja sebagai responden yang utama. Hal ini kerana warga emas dan golongan dewasa tersebut merupakan orang-orang yang mempunyai banyak pengalaman yang lebih mengetahui mengenai dialek-dialek yang pernah mereka gunakan suatu masa dahulu yang tidak lagi diguna oleh generasi masa kini.

5.0 Kepentingan Kajian

- i. Antara kepentingan bagi pengkaji dalam melakukan kajian terhadap perbezaan dialek dan ungkapan unik di Kelantan ialah seperti dapat meneroka dan membongkar dialek-dialek yang semakin kurang diketahui dan digunakan dalam masyarakat Kelantan.
- ii. Malahan juga melalui kajian ini dapatlah pengkaji mengenalpasti dialek-dialek antara keempat-empat daerah tersebut samaada terdapat perbezaan atau sebaliknya.
- iii. Selain itu juga kajian ini juga adalah penting bagi menjadi rujukan kepada para pengkaji yang akan mempelajari atau akan mengkaji dialek Kelantan pada masa akan datang.
- iv. Pihak universiti juga boleh mendokumentasikan kajian ini supaya dapat dijadikan rujukan di perpustakaan pada masa akan datang.

6.0 Karangka Teori



Rajah 1: Kerangka teori

7.0 Batasan Kajian

Dalam melakukan kajian ini terdapat beberapa kekangan yang menjadi batasan atau masalah bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Antaranya ialah:-

- i. Dalam melakukan kajian terhadap perbezaan dialek dan ungkapan unik ini pengkaji mungkin menghadapi masalah kekurangan responden yang dapat memberi kerjasama kepada pengkaji.

- ii. Malahan juga, pengkaji akan menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat yang lengkap dalam proses menjalankan kajian ini.
- iii. Selain itu pengkaji juga mungkin akan mengalami masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran daerah yang akan dilawat oleh pengkaji bagi memperoleh dialek-dialek dan ungkapan unik tersebut.

8.0 Terminologi Kajian

i. Perbezaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat, perbezaan bermaksud beza, kelainan, ketidaksamaan: ada ~ antara negeri-negeri Melayu yg bersekutu dgn negeri-negeri yg tidak bersekutu; 2. selisih; ~ upah selisih bayaran antara seorang (segolongan) buruh dgn buruh (golongan) lain;

ii. Dialek

“Dialek sebagai satu abstraksi yang sama dengan bahasa. Yang berbezanya, dialek meliputi penutur yang lebih sedikit yang menjadi kriteria utama yang membezakan dialek dengan bahasa” Robin (1967)

“Suatu bentuk bahasa, dituturkan di kawasan atau di daerah tertentu serta memperlihatkan perbezaan yang memadai dengan bentuk baku atau bentuk persuratan bahasa tersebut dari segi sebutan, binaan tatabahasa dan

penggunaan perkataan secara idiomatic untuk dianggap ketara berbeza, namun perbezaan tersebut belum begitu banyak atau meluas daripada dialek-dialek lain dalam bahasa tersebut untuk dianggap sebagai bahasa yang berbeza.” Mario Pei dan Frank Gaynor (1954:50) Dictionary of Linguistics.

iii. Ungkapan

Menurut Kamus Bahasa Melayu (2008:868) ungkapan merupakan susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan). Manakala menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua ungkapan ialah susunan kata yang mempunyai maksud tertentu dan digunakan dlm tulisan dan juga dlm pertuturan. Maksud kedua pula ialah simpulan bahasa.

iv. Unik

Kamus Bahasa Melayu (2008:864) membawa maksud tidak sama dengan yang lain; tersendiri: ganjil. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tidak sama dengan yg lain, lain drpd yg lain, tersendiri, luar biasa, istimewa: justeru inilah yg membuat revolusi Indonesia itu satu revolusi yg ~; dlm setiap tamadun ini, ter-dapat cara-cara yg ~ bagaimana manusia pd zaman itu menyimpan akaun dan mem-buat aritmetik; keunikan perihal unik, sifat unik: salah satu ciri kegemilangan tamadun Islam ialah ~ sistem ekonomi Islam.

9.0 Struktur Laporan

Dalam kajian ini terdapat 5 bahagian yang begitu penting untuk dimasukkan dalam laporan. Pengkaji akan menjelaskan dengan terperinci mengenai kelima-lima bab tersebut yang mana ianya merangkumi kertas cadangan, sorotan kajian, kaedah atau metodologi kajian, dapatan kajian dan bab yang terakhir mengandungi kesimpulan serta cadangan yang akan dikemukakan oleh pengkaji.

Kertas cadangan merupakan bahagian yang penting untuk menerangkan tajuk kajian yang ingin dilakukan. Dalam erti kata lain kertas cadangan ini juga merupakan perancangan yang awal bagi pengkaji sebelum menjalankan kajian yang telah dipilih. Kertas cadangan ini juga merupakan garis panduan yang penting kepada pengkaji supaya pengkaji dapat mencapai matlamat utama dan juga dapat memperoleh setiap hasil kajian dengan baik. Bahagian pertama ini akan merangkumi beberapa tajuk kecil seperti pengenalan, objektif kajian, pernyataan masalah, skop kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, batasan kajian, terminologi kajian, dan struktur laporan.

Manakala bahagian kedua pula lebih kepada membincangkan mengenai sorotan kajian yang merupakan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji pada masa yang lepas. Dalam bahagian ini pengkaji akan mengambil dapatan kajian daripada tokoh-tokoh atau pengkaji-pengkaji yang sedia ada sebagai panduan untuk pengkaji menerangkan mengenai kajian pengkaji. Selain itu juga sorotan kajian yang diambil oleh

pengkaji haruslah berkait rapat dengan tajuk kajian pengkaji sekarang, hal ini kerana ianya dapat membantu pengkaji menghuraikan setiap hasil kajian berdasarkan sorotan kajian dari pengkaji-pengkaji tersebut.

Dalam menjalankan kajian, kaedah kajian perlulah dirancang dengan teliti supaya ianya tidak akan memberi apa-apa tekanan kepada pengkaji malahan membantu pengkaji menjalankan kajian yang teratur dalam menemubual responden mahupun mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Memandangkan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji adalah berbentuk kualitatif iaitu kaedah yang digunakan lebih kepada kaedah primer dan juga kaedah sekunder. Pengkaji menggunakan kaedah temubual iaitu tergolong dalam kaedah primer, hal ini demikian kerana bagi mengumpul dapatan kajian pengkaji akan menemubual beberapa responden untuk memperoleh maklumat. Selain itu kaedah sekunder yang digunakan pengkaji pula ialah kaedah perpustakaan yang mana diperolehi daripada surat khabar, buku dan sebagainya. Kaedah ini penting bagi pengkaji mengutip beberapa petikan yang dapat dijadikan bukti untuk pengkaji melengkapkan laporan kajian.

Dapatan kajian merupakan bahagian yang juga penting bagi melengkapkan laporan. Dapatan kajian ini diperolehi setelah pengkaji menjalankan kajian yang lengkap berkenaan tajuk yang dipilih. Dalam dapatan kajian ini pengkaji akan menjelaskan secara terperinci tentang apa yang telah dicapai berdasarkan objektif kajian. Bahagian keempat ini banyak menghuraikan maklumat-maklumat yang diperolehi hasil daripada

temuramah yang diadakan bersama responden. Malahan dalam dapatan kajian ini juga pengkaji akan mengemukakan setiap data-data yang pengkaji perolehi beserta dengan hujahan yang bersesuaian.

Dalam bahagian terakhir pula mengandungi kesimpulan beserta cadangan yang perlu dikemukakan oleh pengkaji berdasarkan kajiannya. Pengkaji akan membuat kesimpulan yang menyeluruh berpandukan kajian yang telah dilakukan. Cadangan yang dikemukakan dalam bahagian ini pula merupakan aspek yang penting, hal ini kerana cadangan tersebut sedikit sebanyak akan membantu pengkaji dan audien menilai bahawa betapa pentingnya menjaga dan memulihara setiap khazanah yang kita miliki.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Definisi Dialek

Kamus Bahasa Melayu (2008: 179), dialek merupakan bahasa yang digunakan hanya di daerah tertentu sahaja. Dialek juga merupakan satu sebutan yang digunapakai dalam sesuatu masyarakat. Manakala menurut Mario Pei dan Frank Gaynor (1954:50), dalam Dictionary of Linguistics mentakrifkan dialek sebagai, “ suatu bentuk bahasa, dituturkan di kawasan atau daerah tertentu serta memperlihatkan perbezaan yang memadai dengan bentuk baku atau bentuk persuratan bahasa tersebut dari segi sebutan, binaan tatabahasa dan penggunaan perkataan secara idiomatik untuk dianggap ketara berbeza, namun perbezaan tersebut belum begitu banyak atau meluas daripada dialek-dialek lain dalam

bahasa tersebut untuk dianggap sebagai bahasa yang berbeza.” Walaubagaimanapun, menurut mereka juga pada (1960), dialek adalah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Ia mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza dari bentuk yang standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap satu bahasa lain.

Walaubagaimanapun terdapat pendapat yang berbeza-beza yang diberikan oleh individu-individu tertentu. Antaranya ialah dari Robins (1967), yang mendefinisikan dialek sebagai satu abstraksi yang sama dengan bahasa. Yang membezakannya ialah dialek mempunyai penutur yang lebih sedikit. Berdasarkan definisi inilah jumlah penutur menjadi kriteria utama yang membezakan dialek dengan bahasa. Manakala menurut pandangan Edward Sapir (1921), menyatakan bahawa dialek adalah bentuk percakapan tempatan yang berbeza daripada bentuk bahasa kesusasteraan. Bertepatan dengan pendapat Muller (1864), yang berpendapat bahawa dialek tidak berperanan sebagai media hasil-hasil kesusasteraan tetapi adalah sebagai pengayanya. Oleh kerana terdapat pelbagai definisi yang diberikan Chambers, J.K. dan Trudgill, P. (1990), menggantikan dialek dengan istilah yang lebih neutral seperti variasi (varieties), manakala Hudson (1970), menggunakan istilah isolek.

Menurut Rohaedi (1979:1), istilah dialek berasal daripada perkataan Yunani yang pada mulanya digunakan dalam hubungannya dengan keadaan bahasanya. Hal ini dibuktikan oleh Meillet (1967:69), beliau mengatakan bahawa di Yunani terdapat perbezaan-perbezaan kecil di dalam bahasa yang berbeza.

2.1 Dialek Kelantan

Terdapat pelbagai pandangan yang berbeza daripada pengkaji-pengkaji sebelum ini yang telahpun menjalankan kajian mengenai Dialek Kelantan dalam pelbagai bidang. Setiap pandangan ini juga membuktikan bahawa sesuatu bahasa atau dialek itu mempunyai bidang yang sangat luas.

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1977), dialek Kelantan merupakan satu daripada dialek-dialek bahasa Malaysia. Ianya dituturkan oleh penutur-penutur yang berasal dari dan menduduki negeri Kelantan, iaitu sebuah negeri di semenanjung Malaysia. Negeri Kelantan letaknya di pantai timur semenanjung Malaysia bersempadankan negeri Terengganu, Pahang, perak, dan negeri Thailand. Kebanyakan penduduk adalah terdiri daripada petani-petani yang tinggal di kawasan-kawasan pertanian. Disamping itu terdapat juga ahli perniagaan, pegawai-pegawai kerajaan yang tinggal dibandar-bandar dan nelayan yang tinggal di pinggir pantai. Negeri Kelantan telah dibahagikan kepada lapan jajahan atau daerah pentadbiran, iaitu jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Ulu Kelantan, Pasir Putih, dan Bachok.

Menurut Mohd. Taib Osman (1961), dialek Kelantan juga dituturkan oleh penduduk-penduduk yang mendiami daerah-daerah sempadan Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang dan juga beberapa daerah dalam wilayah Thai Selatan seperti Sungai Golok, Narathiwat, Yala, dan Petani. Malahan beliau juga menyatakan bahawa dialek Kelantan menunjukkan persamaan yang erat dengan dialek Melayu Petani. Persamaan yang erat ini dapat dilihat bukti-buktinya apabila dibandingkan pertuturan-pertuturan penutur-penutur Dialek Kelantan dengan Dialek Melayu Patani seperti yang disiarkan melalui radio siaran daerah dari stesen Radio Narathiwat. Jika dibandingkan dengan Bahasa Malaysia, Dialek Kelantan banyak menunjukkan sifat-sifat tersendiri.

Menurut Wan Nor Izzan Wan Jusoh (1986/87), dialek Kelantan merupakan dialek yang digunakan secara meluas dalam masyarakat negeri Kelantan, tidak kira taraf seseorang atau daerah asalnya. Dialek Kelantan juga dituturkan saling difahami oleh penduduk yang mendiami daerah-daerah sempadan Kelantan/Terengganu, Kelantan/Pahang dan juga beberapa daerah dalam wilayah Thai Selatan. Nik Safiah Karim (1968), dialek-dialek yang digunakan dalam ketiga-tiga daerah ini tidak merupakan seratus peratus dialek Kelantan tetapi adalah merupakan pengucapan yang mempunyai percampuran diantara unsur dialek Kelantan dan dialek tempat itu sendiri.

2.2 Ciri-ciri Dialek

Dialek yang dituturkan oleh masyarakat disesuatu kawasan mempunyai ciri-ciri dialek yang tertentu yang dapat membuktikan bahawa dialek tersebut merupakan satu medium yang menjadi perantara kepada sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

Menurut Ajid Che Kob (2006), berdasarkan definisi yang diberikan oleh Mario Pei dan Frank Gaynor, beliau merumuskan bahawa untuk menentukan sama ada sesuatu bentuk pertuturan itu bahasa atau dialek, bentuk tersebut harus mempunyai beberapa ciri. Pertamanya, bentuk tersebut hendaklah mempunyai kawasan atau daerah tuturan yang tertentu. Keduanya, bentuk baku atau bentuk persuratan bagi bahasa tersebut dari segi sebutan, struktur tatabahasa (fonologi, morfologi dan sintaksis), dan dari segi penggunaan kata secara idiomatik. Ketiganya, perbezaan tersebut pula tidaklah pula terlalu besar atau banyak daripada bentuk pertuturan lain dalam bahasa tersebut sehingga menjadi dua bahasa yang berbeza. Salah satu kriteria yang diguna pakai dalam ilmu bahasa untuk mengukur julat perbezaan antara dua atau beberapa ragam pertuturan dialek atau bahasa ialah kesalingfahaman.

2.3 Elemen Bahasa Dan Dialek

Elemen merupakan satu perkara yang sangat penting dalam satu-satu bahasa, elemen bukan sahaja membolehkan sesuatu bahasa dikenali malahan juga membolehkan bahasa tersebut dikenalpasti dengan mudah oleh penutur-penutur sesuatu bahasa. Hal ini adalah penting kerana ianya digunakan dalam pelbagai aspek.

Menurut A Teeuw (1961), Dialek-dialek tempatan di semenanjung Malaysia sebenarnya adalah variasi daripada bahasa Melayu. Bahasa Melayu sekarang ini menjadi bahasa Kebangsaan Negara ini dan sejak 13hb. Mei, 1969 ia dikenali sebagai bahasa Malaysia. Beliau juga mengatakan bahawa “Bahasa Standard adalah kelainan bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk fungsi. Keseragaman dalam bentuk bererti bahawa bahasa itu sudah dikodifikasikan dan sudah mempunyai sistem dan rumus-rumus tertentu baik dari aspek bentuk mahupun aspek leksikal dari bahasa itu. Kelainan bahasa yang menyimpang dari bahasa standard yang mempunyai rumus-rumus tertentu itu mesti dianggap bukan standard. Bahasa standard digunakan dalam hal-hal yang sifatnya akedemis, filosofis, professional dan juga dalam kesusasteraan. Malahan juga beliau mentakrifkan bahawa dialek merupakan bahasa-bahasa daerah dalam erti kata tiap-tiap daerah itu mempunyai kelainannya sendiri yang berbeza dengan kelainan-kelainan yang terdapat dalam daerah-daerah lain, Asmah Hj. Omar (1970).

Bahasa menurut Deucher (1987), secara umumnya boleh wujud dalam dua bentuk, iaitu dalam bentuk lisan dan tulisan. Disamping itu, terdapat juga bentuk-bentuk bahasa lain, tetapi tidaklah digunakan secara merata seperti bahasa lisan dan tulisan. Antara bentuk-bentuk bahasa yang lain ini termasuklah bahasa isyarat dan bahasa berkod. Walaupun tidak digunakan meluas kedua-dua bahasa ini adalah bahasa yang tersendiri, iaitu ia wujud secara utuh dan bersistem. Dengan kata lain, sistem bahasa isyarat dan berkod tidak menumpang kepada sistem bahasa lisan atau tulisan.

Bahasa atau dialek merupakan kesinambungan yang amat penting bagi sesebuah masyarakat, walaubagaimanapun Hamilton (1987), menjelaskan bahawa dalam sesebuah masyarakat yang budaya datang lewat dan hanya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja, undang-undang adat bagi kawasan itu dan pengumpulan ajaran-ajaran moral bersama-sama dengan pelbagai lakuan tunjuk ajar untuk kehidupan harian, dengan didasarkan kepada pemerhatian terhadap fenomena semula jadi, disampaikan kepada generasi kemudian dalam bentuk pepatah yang masih kerap digunakan.

Profesor Doktor Haji Awang Bin Sariyan dalam ucapannya dalam Ceramah Umum Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) 2011, beliau mengatakan bahawa “Bahasa merupakan satu kurniaan tertinggi oleh Allah S.W.T selain daripada akal. Beliau juga menyebut bahawa UNESCO mentakrifkan bahasa sebagai ‘bahasa paling berkesan dalam menyampaikan ilmu adalah bahasa bangsa itu sendiri’. Beliau juga yang merupakan Penasihat Persatuan Linguistik Malaysia menerangkan tiga bidang asas yang

menggunakan Bahasa Melayu iaitu pentadbiran, perdagangan ,perhubungan awam dan sebagainya.

Hal ini disokong oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang menyatakan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa yang unik dari bahasa-bahasa yang lain. Bukan sahaja bahasa malah dialek juga mempunyai keunikannya yang tersendiri disetiap daerah di Kelantan, keunikannya juga dapat dilihat kerana mempunyai perbezaan yang dapat dilihat wujud dalam sesebuah masyarakat.

2.4 Perbezaan Dialek

Seperti dialek-dialek melayu lain dialek Kelantan juga memeperlihatkan perbezaan-perbezaan kecil yang timbul dari segi perbezaan wilayah dan perbezaan sosial. Umpamanya dialek yang dituturkan oleh penutur yang tinggal di jajahan Kota Bharu berbeza daripada dialek yang dituturkan oleh penutur yang tinggal di daerah pulai condong dan jajahan-jajahan Machang, Pasir Mas dan Pasir Putih. Lantaran terpisah secara geografi wujudlah perbezaan kecil didalam dialek Kelantan dari segi pengucapan dan perbendaharaan kata terutamanya. (Wan Nor Izan Wan Jusoh, 1986/87)

Pengucapan yang berbeza menurut Brown (1927), adalah disebabkan oleh kemalasan orang-orang melayu Kelantan menyebut bunyi-bunyi (konsonan) akhir. Namun pandangan ini adalah bersifat terlalu subjektif.

Walaupun, Ismail Hussein (1973), peminjaman leksikal dari bahasa Thai agak banyak juga berlaku. Perbezaan lain yang dapat dilihat ialah perbezaan pertuturan antara penutur dewasa dengan kanak-kanak, dan perbezaan antara orang berpelajaran dan tidak berpelajaran.

Collins T.J (1989), merupakan seorang penulis buku mengenai pelbagai pandangan atau pendapat terhadap dialek Melayu. Beliau berpendapat bahawa terdapat pelbagai dialek Melayu yang dipertuturkan di Malaysia. Kepelbagaian itu menjadi bertambah luas dengan adanya pengaruh televisyen dan filem yang mengujudkan pelbagai loghat. Dalam ulasannya juga, beliau melihat tentang perbezaan dari segi fonetik yang mengakibatkan dialek itu menjadi berbeza. Beliau juga menyatakan bahawa dialek Melayu Langkawi tidak sama dengan dialek Kedah amnya. Orang langkawi suka menyebut perkataan dengan menyengaukan sebutannya. Beliau juga melakukan pemetaan dan kesimpulan awal tentang dialek orang ulu Terengganu. Beliau membuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan antara orang pantai dengan orang yang tinggal di hulu yang mana pada ketika itu masih belum ada perbandingan dilakukan. Beliau juga menulis tentang kepelbagaian dialek yang ada di Indonesia terutamanya

Pulau Ambon. Beliau menyeru para pengkaji agar terus mengkaji dialek tradisi yang pelbagai itu supaya dapat dipelihara bagi kebajikan generasi hadapan.

Selain itu juga, Collin T. J (1995), juga turut menerbitkan bibliografi dialek bahasa di Indonesia yang dibahagikan kepada dialek Aceh, Medan, Batak, Sibolga, Rawa, Rokan, Siak, Lubu, kampar, Inderagiri, Kuantan, Talang, kerinci, Jambi, Kubu, Muko-muko, Rawas, Musi, Sumatera Tengah, Bangka Hulu, Ogan, Palembang, Bangka, Orang Lom, Orang Laut dan Belitung. Setiap satu daerah itu mempunyai dialek yang ketara perbezaanya.

Abdul Hamid Mahmud (1977), mengulas bahawa beberapa orang pegawai pentadbir British seperti C.C. Brown, A.J. Sturrock dan Berwick telah membuat kajian terhadap dialek Kelantan. C.C Brown yang menjadi hakim di Kelantan telah mencatat dialog-dialog yang panjang tentang dialek Kelantan dan menerbitkan “Kelantan Malay” 1927, manakala A.J. Sturrock telah menulis tentang dialek Kelantan dalam tulisannya “Some notes on Kelantan dialect and some comparison with the dialects of Perak and Central Pahang”, 1912. Manakala Berwick pula telah mengumpul senarai nama-nama burung dalam dialek Kelantan pada tahun 1953.

Menurut Wan Nor Izan Wan Jusoh (1986), dalam kajiannya Fonologi Dialek Pulau Condong, mengatakan bahawa setiap perkataan dialek Kelantan yang dituturkan mempunyai mempunyai 9 konsonan , namun hanya 3 sahaja yang dapat didengari di akhir kata. Malahan beliau juga mengatakan terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perubahan ini. Antaranya ialah pengaruh system pendidikan yang diterima oleh oleh generasi muda melalui sekolah-sekolah, sama ada sekolah yang berhampiran mahupun di Bandar Kota Bharu. Dengan menerima sistem pendidikan ini penutur-penutur di kawasan Pulau Condong sudah mula dipengaruhi oleh bahasa standard dan juga dialek utama sering digunakan untuk memberi penerangan yang lebih terperinci kepada pelajar-pelajar. Dalam kajian beliau juga kemasukan unsure dialek utama secara beransur-ansur ini telah mengakibatkan pertembungan penutur dialek Pulau Condong dengan dialek utama. Timbulnya gejala ini disebabkan perkembangan hubungan dan interaksi antara penutur dialek Pulau Condong ini terpisah oleh factor geografi, namun disebabkan kemudahan perhubungan yang terdapat dewasa ini telah menjadikan kedua-dua daerah ini lebih dekat dan lebih banyak interaksi yang berlaku.

Dalam kajian tersebut juga, Wan Izan Wan Jusoh mengulas bahawa kemasukan orang daripada daerah lain juga telah membawa perubahan kepada dialek ini. Kemasukan orang luar ini adalah bertujuan untuk menyertai projek pembangunan ladang atau untuk berniaga. Perpindahan penduduk berlaku adalah kerana ekoran desakan tempat tinggal yang semakin susut dibandar. Dengan itu, banyak rumah didirikan di sekitar daerah Pulau

Condong. Maka berlakulah pertembungan antara penutur yang berasal dari daerah-daerah lain dengan penutur-penutur tempatan.

Menurut Asmah Omar (1993), menerangkan tentang peranan dialek dalam proses modenisasi bahasa. Beliau membandingkan dialek Johor dan Kedah dimana satu perkataan itu membawa makna yang berbeda bagi setiap negeri dan situasi. Beliau juga mengatakan bahawa dialek akan kekal wujud dalam era moden dan ia tertakluk kepada penutur secara individu walaupun dalam bahasa yang diciptakan secara artifisial. Ianya hanya akan terhenti apabila penuturnya telah mati.

Menurut Profesor Doktor Abdul Hamid Mahmood (2002), didalam artikelnya yang bertajuk “Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia” menerangkan bahawa cara mengucapkan satu-satu kata dalam Dialek Kelantan berlainan dengan cara mengucapkannya dalam Bahasa Malaysia. Umpamanya, penutur Dialek Kelantan mengucapkan (ore) untuk (oran) dan (kito) untuk (kite). Berikut diberikan misalan-misalan yang menunjukkan ucapan yang berlainan diantara Dialek Kelantan dengan Bahasa Malaysia:

| <i>Dialek Kelantan</i> | <i>Bahasa Malaysia</i> | |
|------------------------|------------------------|---------|
| i. [kebo] | [kebon] | ‘kebun’ |
| ii. [ite] | [hitam] | ‘hitam’ |

| | | | |
|-------|-----------|-------------|-------------|
| iii. | [habih] | [habes] | 'habis' |
| iv. | [mo'te] | [rambotan] | 'Rambutan' |
| v. | [bukuhse] | [bungkusan] | 'Bungkusan' |
| vi. | [keri] | [keren] | 'Kering' |
| vii. | [hala] | [halal] | 'Halal' |
| viii. | [selama'] | [selamat] | 'Selamat' |
| ix. | [kuba] | [kerbau] | 'Kerbau' |
| x. | [sapa] | [sampai] | 'Sampai' |

Hal ini jelas menunjukkan perbezaan antara Dialek Kelantan dan Bahasa Malaysia yang mempunyai kelainan dalam pengucapannya.

2.5 Faktor-faktor Kewujudan Dialek

Collins (1996), mengatakan bahawa di Malaysia terdapat dialek Melayu Brunei, Melayu Ambon, ialek Melayu Deli, dialek Melayu Sulawesi Tengah dan sebagainya. Malah beliau juga berkata bahawa terdapat tidak kurang daripada enam puluh dialek Melayu bertaburan di seluruh Nusantara dan persisiran barat Pulau Sumatera sehinggalah ke Pulau Irian dan wilayah Negeri Thai di daratan Asia hinggalah ke Pulau Cocos-Keeling di Samudera selatan itu. Bahkan beberapa masyarakat minority, yang tetap

berdialek Melayu sebagai bahasa ibunda, bertahan malah berkembang, di Sri Lanka dan negeri Belanda.

Ajid Che Kob (2005), *Linguistik Melayu, (Dialektologi)*, menegaskan bahawa dialek Melayu tidak sahaja dituturkan oleh mereka yang berketurunan Melayu malah terdapat banyak kelompok masyarakat bukan Melayu yang menjadikannya bahasa ibunda. Contoh yang paling terkenal ialah dialek Melayu Baba Melaka, dialek Melayu Ceti Melaka, Dialek Temuan, dialek Melayu Orang Seletar, dan dialek Melayu Urak Lawoi' di Pulau Adang di Thailand. Beliau juga menyatakan sebenarnya dialek Melayu cukup banyak dan amat luas daerah taburan penyebarannya. Setiap satunya memperlihatkan perbezaan dari segi bentuk linguistic dengan bentuk yang digunakan ditempat lain, namun untuk tahap-tahap tertentu, masih wujud kesalingfahaman antara penuturnya.

Malahan menurut Mario A. Pei dan Frank Graynor (1960), faktor-faktor yang menimbulkan dialek adalah terdiri dari factor geografis, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya. Di semenanjung Malaysia umpamanya, disamping terdapat keadaan alam semulajadi yang terdiri dari bukit-bukau, hutan rimba dan sungai yang merupakan rintangan-rintangan kepada perhubungan antara penduduk-penduduknya, faktor politik telah membahagikan Negara ini kepada unit-unit politik yang lebih kecil menjadikan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, dan Kelantan.

Leonard Bloomfield (1967), menyatakan bahawa dari nama negeri-negeri tersebutlah timbulnya nama dialek-dialek di semenanjung Malaysia yang dikenali sebagai Dialek Perlis, Dialek Negeri Sembilan, Dialek Perak, Dialek Selangor, Dialek Negeri Sembilan, Dialek Melaka, Dialek Johor, Dialek Pahang, Dialek Terengganu dan Dialek Kelantan. Dialek-dialek yang berdasarkan tempat seperti itu dipanggil dialek tempatan.

Asmah Omar (1992), menyatakan bahawa di Malaysia terdapat kepelbagaian bahasa dalam masyarakat bukan sahaja kerana daerah dan kawasan yang berbeza tetapi juga kerana faktor lain seperti penghijrahan, agama, pencarian, empirisme dan polisi kerajaan. Oleh kerana pengaruh faktor-faktor itu, maka timbullah kepelbagaian bahasa di negara sekecil Malaysia.

2.6 Kepupusan Dialek

Terdapat begitu banyak dialek yang hampir dilupakan dan tidak lagi digunakan oleh masyarakat hari ini mungkin juga kerana perubahan persekitaran atau berlakunya proses pemodenan sesuatu kawasan. Namun begitu adalah menjadi satu kerugian pada generasi sekarang kerana tidak lagi mengenali dialek yang sekian lama diamalkan oleh nenek moyang yang mana suatu dulu menjadi alat komunikasi dalam interaksi sesama masyarakat. Ini dapat dibuktikan apabila Collin T.J (1995), amat menitik beratkan pemeliharaan bahasa dialek dikalangan penuturnya. Perkara ini telah terjadi di Nigeria

dimana Bahasa Oko telah pupus. Nicholas S. (2008), menyatakan pada suatu masa dulu, Nigeria mempunyai 500 bahasa dan banyak telah terhapus. Kini Bahasa Oko cuba dipulih semula oleh seorang pelajar PhD, Joseph Atoyebi (di Max Planck Institute for Anthropology di Leipzig) ke dalam masyarakat dengan cara mengalakkan orang menuturnya. Kini beliau sedang giat menulis kamus dalam salah satu bahasa Afrika yang sebelum ini tidak pernah tercatat dalam bentuk tulisan, Cuma dituturkan sekumpulan kecil kecil penduduk. Bahasa Oko hanya boleh dituturkan oleh 20,000 orang penduduk sahaja. Bahasa Oko berasal dari Ogori., sebuah bandar kecil di Kogi yang bersuasana daif. Menurut Nicholas (2008) usaha Atoyebi itu dianggap menyelamatkan satu bahasa yang semakin pupus. Semasa menjalankan kajian itu, beliau amat berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan penuturnya sehinggakan beliau tidak menggunakan pita rakaman dengan sewenang-wenangnya. Perkara itu dilakukan agar beliau tidak dilihat sebagai mengkhianati kepercayaan yang diberikan oleh orang Okuro kepadanya. Walaubagaimanapun di Negara Malaysia, keadaan yang sedemikian rupa masih lagi tidak berlaku, namun jika penuturnya kian leka dan dengan bahasa lain tidak mustahillah jika suatu hari dialek yang menjadi identity masyarakat hanya tinggal sejarah dan hanya mampu dijadikan kenangan sahaja.

Dapat dilihat pada hari ini terdapat pelbagai langkah yang dilakukan untuk memperkasakan dialek Kelantan dari terus mengalami kepupusan. Berita Harian, Rabu, 20 Ogos 2008, dilaporkan oleh Basirah Ariffin. Dialek Kelantan merupakan salah satu daripada variasi bahasa yang unik dan kaya terutamanya dari segi sebutan, kosa kata, dan

makna. Bagi terus memelihara khazanah bahasa yang cukup berharga ini, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) mengadakan rancangan Rampai Budaya: Kayanya Bahasa Kita yang disiarkan secara langsung melalui siaran Kelantan FM pada setiap hari Khamis, jam 5.15 petang hingga 6.00 petang. Sejak tahun 2006 rancangan ini diadakan bertujuan untuk mencari gali khazanah kekayaan dialek Kelantan agar tidak luput ditelan zaman. Rancangan itu juga adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman generasi muda tentang penggunaan bahasa lama yang jarang digunakan dan tidak sehati dalam kehidupan mereka. Dua orang Munsyi Dewan, Tuan Haji Mohamad Haron dan Encik Abdullah Yassin sebagai pengkaji dan pemudah cara yang bersama-sama dengan pendengar dari seluruh negeri Kelantan untuk berkongsi maklumat tentang penggunaan dialek Kelantan yang dituturkan oleh masyarakat di sini. Hasil daripada rancangan ini, DBPWT berjaya mengumpul sejumlah kosa kata dan istilah dalam dialek Kelantan yang pastinya akan menjadi dokumentasi yang berguna kepada masyarakat dan pengkaji pada masa ini dan pada masa yang akan datang. Contohnya ialah bojeng yang membawa makna gaya rambut, kuis (gerakkan benda dengan kaki), selak (pengsan) papah (guntingan pendek rambut), jirek (pijak), kuca bara (suasana yang bersepah), gelap gelemak (hitam yang amat sangat) dan sebagainya.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Pengkaji akan menjalankan kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan, malahan dalam kajian ini juga pengkaji akan menjalankan kajian di lima daerah di Kelantan iaitu daerah Kuala Krai, Pasir Mas, Pasir Putih, dan juga Kota Bharu. Pengkaji akan menjadikan kaedah kajian ini sebagai rujukan utama dalam menjalankan kajiannya, hal ini penting supaya memudahkan pengkaji mencapai matlamat utama kajian. Adalah penting bagi pengkaji mencari dan mengenalpasti perbezaan dialek dikelima-lima daerah tersebut berserta ungkapan uniknya untuk pengekalannya dan untuk memperkenalkannya kepada masyarakat samaada Kelantan atau di luar negeri Kelantan.

Dalam menjalankan sesuatu kajian, kaedah kajian merupakan salah satu bahagian yang amat penting bagi pengkaji, bukan sahaja memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian malahan mampu membantu pengkaji mencapai matlamat utama dalam kajian. Kajian menurut Oxford Compact English Dictionary, ODEC (1996), mendefinisikannya sebagai “the systematic investigation into and study of materials, and sources, in order to establish facts and reach new conclusions”. Manakala graziano dan Raulin (1996) mendefinisikan kajian dengan lebih ringkas sebagai suatu pencarian yang sistematik terhadap maklumat serta suatu proses penyelidikan. Walaubagaimanapun Brew mendefinisikan kajian merupakan pencarian sesuatu dan menyebarkannya kepada umum, malahan beliau juga menyatakan bahawa kajian melengkapkan cara penghasilan, pengujian dan pengesahan ilmu serta merupakan suatu proses sistematik kajian, kepentingan umumnya yang mana menyumbang kepada himpunan ilmu yang membentuk serta memandu bidang akademik atau praktis.

Metodologi kajian pula menurut Adams dan Schvneveldt (1985), adalah suatu proses, suatu set perkasaan bagi melaksanakan suatu penyelidikan dan perolehan maklumat, serta juga suatu seni bagi melaksanakan suatu karya sains. dalam menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi beberapa kaedah iaitu kaedah perpustakaan, kaedah temubual, kaedah pemerhatian, catatan dan sebagainya.

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kualitatif yang mana ianya merangkumi dua jenis kaedah iaitu kaedah primer dan juga kaedah sekunder ianya terkandung kaedah temubual dan juga kajian lapangan, dan juga kaedah perpustakaan.

Kaedah kualitatif menurut Asmah Haji Omar (2008), Pendekatan kualitatif adalah penyelidikan yang menggunakan analisis data bagi menyelidik ciri-ciri yang ada pada gejala yang diselidiki, dengan setiap ciri yang ditemui akan dipastikan kewujudannya dan dihuraikan sama ada jarang atau sering ditemui; ia juga adalah koleksi, analisis, dan tafsiran cerita komprehensif dan data visual untuk mendapat gambaran tentang satu fenomena tertentu menggunakan kaedah-kaedah kajian kualitatif didasarkan kepercayaan yang berlainan dan direka bentuk untuk tujuan berbeza daripada kaedah-kaedah kajian kuantitatif.

3.1.1 Data Primer

Kaedah primer merupakan satu kaedah yang berkait rapat dengan kaedah temubual dan juga kajian lapangan iaitu pemerhatian dan juga tinjauan. Dalam kaedah ini pengkaji akan lebih mudah menjalankan kajiannya memandangkan kajian yang pengkaji ingin jalankan adalah memerlukan pengkaji untuk menebual responden yang telah dipilih bagi mendapatkan perkataan dialek dan ungkapan uniknya. Melalui kaedah ini juga

pengkaji akan mengumpul sebanyak mungkin dialek dari kelima-lima daerah dan mengenalpasti perbezaannya.

3.1.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperoleh melalui sumber perpustakaan melalui buku, surat khabar, majalah, jurnal dan sebagainya. Kaedah ini diguna pakai oleh pengkaji bagi mendapatkan sedikit sebanyak maklumat awal mengenai latar belakang dialek yang akan dimuatkan dalam kertas cadangan serta laporan yang sebenar. Pada kebiasaannya data sekunder merupakan kajian yang telahpun dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu yang telahpun ada dapatannya. Manakala pengkaji memetikinya sebagai sumber rujukan.

3.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan amat penting bagi pengkaji memandangkan pengkaji perlu menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan data-data yang pengkaji perlukan. Melalui kaedah ini pengkaji akan menjalankan proses temubual untuk mendapatkan sumber-sumber yang diperlukan. Pengkaji memilih untuk menjalankan temubual dan pemerhatian terhadap responden didaerah yang akan pengkaji lawati untuk mendapatkan atau mengumpulkan dialek-dialek yang berbeza beserta keunikannya.

3.2.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul perbezaan dialek dan juga ungkapan unik yang ada diantara kelima-lima daerah iaitu daerah Kuala Krai, Pasir Mas, Rantau Panjang, Pasir Putih, dan juga Kota Bharu. Dalam kaedah ini juga pengkaji akan ke daerah tersebut seterusnya menemubual beberapa orang penduduk kampung. Responden yang telah dipilih oleh pengkaji bagi tujuan temubual adalah terdiri daripada golongan warga emas yang berumur 65 tahun keatas sahaja. Hal ini kerana warga emas merupakan sumber yang baik bagi pengkaji mencari perbezaan dialek dan ungkapan unik yang digunakan di kelima-lima daerah tersebut. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian terhadap warga emas adalah kerana, pengkaji dapat melihat bahawa warga emas mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai dialek-dialek yang pernah digunapakai. Memandangkan anak muda kini adalah kurang berpengetahuan mengenai dialek-dialek kerana mereka kebanyakannya merojakkan bahasa dalam percakapan mereka. Bagi pengkaji adalah penting tidak tersalah memilih responden supaya pengkaji mendapat maklumat yang sahih dan benar bagi melengkapkan kajian malah supaya tidak menimbulkan sebarang pertikaian oleh pihak lain. Selain itu juga bagi mengumpul data ungkapan-ungkapan unik di kelima-lima daerah tersebut pengkaji akan bertanya kepada responden berkenaan ungkapan unik yang diketahui oleh responden malahan didengari agak pelik dalam kalangan masyarakat hari ini.

Pengkaji bukan sahaja akan menemuramah malah akan mengunjungi beberapa tempat yang menjadi tumpuan golongan warga emas dan seterusnya memulakan perbualan bergantung pada tema perbualan yang tertentu. Sudah menjadi sinonim bagi masyarakat di negeri Kelantan meluangkan masa di kedai-kedai kopi pada waktu petang sambil bermain dam ataupun berbual, pengkaji akan menyertai kalangan responden tersebut dan menjalankan proses temuramah iaitu dengan menanyakan satu perkataan dialek berserta maksudnya kemudia akan disusuli dengan beberapa lagi dialek yang akan dicatat dan seterusnya dianalisis perbezaannya dengan daerah yang lain. Malahan pengkaji juga akan mencungkil keunikan dialek yang responden ketahui.

Soalan-soalan yang ditujukan kepada responden juga adalah berstruktur, hal ini kerana pengkaji merancang secara rapi dan teratur terlebih dahulu supaya respons yang lebih spesifik diperolehi dengan baik. Selain itu juga soalan yang tidak berstruktur juga akan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan ransangan umum, yang mana responden digalakkan memberi respons secara bebas, manakala soalan lanjutan bagi memperolehi perbezaan dialek dan ungkapan uniknya dirangka mengikut keperluan.

Seperti yang kita sedia maklum, kaedah temubual merupakan satu alat untuk mendapatkan atau memperolehi data-data dari informasi dari seseorang individu. Komunikasi merupakan satu cara yang terbaik dalam menyampaikan mahupun memperoleh maklumat. Oleh itu pengkaji akan berkomunikasi dengan responden dengan sebaik mungkin supaya proses mendapatkan data dapat dijalankan dengan sempurna.

3.2.2 Kaedah Pemerhatian

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi terus mengumpul perbezaan dialek dan ungkapan unik yang masih lagi digunapakai kini. Kaedah pemerhatian adalah bermaksud, pengkaji akan menyertai sekumpulan warga emas yang kebiasaannya sedang berbual dalam kalangan mereka, seterusnya pengkaji akan membuat pemerhatian berkenaan dialek yang mereka gunakan semasa sedang berbual, kemudian pengkaji akan mencatat dan merekodkan perkataan-perkataan tersebut. Pengkaji melakukan hal sedemikian adalah kerana dikhuatiri responden tidak mahu memberi kerjasama dengan memberi dialek-dialek dan ungkapan unik jika pengkaji bertanya secara rawak, mungkin juga disebabkan faktor responden tidak mengenali pengkaji. Oleh itu adalah penting bagi pengkaji memberi pemerhatian dalam perbualan sekumpulan golongan emas tersebut, memandangkan dialek dan ungkapan yang digunakan dalam percakapan mereka adalah spontan. Selain itu adalah penting bagi pengkaji menjalankan kajian dalam mengumpul data-data secara professional, hal ini bertujuan untuk mewujudkan kemesraan antara pengkaji dan responden seterusnya memudahkan proses kajian, amat perlu bagi pengkaji menjaga hubungan diantara responden supaya pengkaji dapat memperoleh maklumat dengan baik disamping dapat pengkaji mengemukakan dialek-dialek tersebut supaya masyarakat hari ini sedar akan pentingnya kita menjaga khazanah yang satu-satunya menunjukkan identiti diri dan negeri kita yang menjadi tempat tumpah darah kita sehingga ke hari ini.

3.2.3 Kaedah Perpustakaan

Seterusnya pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan bagi melengkapkan lagi kajian perbezaan dialek di lima daerah ini dan ungkapan uniknya. Kaedah perpustakaan merupakan satu tinjauan yang amat penting bagi pengkaji dalam mengumpul maklumat. Dalam erti kata lain pengkaji menjadikan sumber rujukan seperti buku, majalah, keratan akhbar, rujukan ilmiah dan sebagainya dalam mendapatkan info yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Bahan bacaan yang diperolehi oleh pengkaji digunakan dengan sebaik mungkin dalam mengumpul maklumat berkenaan kajian. Contohnya adalah seperti maklumat latar belakang negeri Kelantan, definisi-definisi istilah yang digunakan dalam kajian dalam kajian. Antara buku yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti Linguistik Melayu (Edisi Kedua), serta tesis yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji antara tajuk tesis tersebut ialah Fonologi Dialek Pulau Condong, dan juga Sintaksis Dialek Kelantan. Sumber perpustakaan ini banyak memberi manfaat kepada pengkaji bagi dimuatkan dalam kajian ini. Kandungan yang terdapat dalam rujukan perpustakaan ini amat berguna bagi pengkaji.

3.3 Sumber Internet

Sumber internet merupakan salah satu lagi langkah bagi pengkaji mendapatkan maklumat tambahan untuk digunakan dalam kajian ini. Walaubagaimanapun pengkaji tidak boleh mengambil maklumat yang terdapat didalam internet dengan sesuka hati, hal ini dikhuatiri info yang diperolehi adalah tidak benar dan tiada rujukannya. Pengkaji hanya menggunakan maklumat yang diperolehi daripada blog, jurnal, artikel yang mempunyai info yang benar sahaja yang boleh digunakan sebagai sumber rujukan dalam penulisan laporan kajian pengkaji. Malahan sumber internet ini juga akan dipetik oleh pengkaji secara lebih ilmiah supaya pengkaji dapat mengulas segala maklumat dari internet dengan sebaik mungkin.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dapatan kajian merupakan satu hasil pengumpulan data-data yang telah diperoleh oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah dan cara yang telah ditetapkan bagi memperolehi setiap maklumat kajian. Dalam bahagian ini juga pengkaji membincangkan dengan terperinci setiap hasil kajian bagi menjawab setiap objektif dan pernyataan masalah kajian. Setiap huraian juga haruslah berdasarkan kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan bagi mengukuhkan lagi setiap hujahan pengkaji.

4.2 Responden

Pengkaji telah menjalankan proses temubual bersama dengan responden daripada pelbagai daerah di Kelantan iaitu Pasir Putih, Pasir Mas, Kuala Krai dan Kota Bharu. Seramai 15 orang responden telah ditemuramah oleh pengkaji dan kebanyakan responden adalah terdiri daripada golongan dewasa dan juga warga emas. Hal ini kerana pada pandangan pengkaji mereka lebih banyak mengetahui mengenai dialek-dialek yang boleh dianggap lama dan semakin kurang digunakan hari ini. Majoriti responden yang ditemuramah oleh pengkaji adalah wanita. Memandangkan di Kelantan golongan wanita merupakan paling ramai yang menjalankan aktiviti perniagaan dipasar-pasar besar setiap daerah. Manakala pengkaji memilih Pasar-pasar Besar sebagai lokasi kajian.

4.3 Analisis Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai dialek yang berbeza di setiap daerahnya. Pengkaji dapat melihat dialek masyarakat Kelantan adalah halus dan juga mempunyai santun yang tersendiri. Kelantan cukup dikenali dengan negeri yang begitu kaya dengan warisan dan budayanya, tidak kurang juga kaya dialek dalam pertuturan harian mereka. Dalam kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan unik ini, dapat membongkar kekayaan dialek yang ada di Kelantan dimana jelas dapat dilihat perbezaannya diantara setiap daerah. Bahkan bukan itu sahaja keunikannya dapat dicungkil dan dikumpulkan seterusnya dapat membuka mata masyarakat yang kian miskin dengan jati diri dan meminggirkan khazanah warisan berharga ini.

Hasil kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji menunjukkan bahawa sememangnya terdapat perbezaan diantara keempat-empat daerah yang telah dikunjungi oleh pengkaji bagi mengumpul data-data yang perlu pengkaji kutip bagi memenuhi kajian ini. Keempat-empat daerah tersebut iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Pasir Mas dan juga Kuala Krai masing-masing mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam pertuturan mereka.

Di Kota Bharu pengkaji telah menemubual beberapa orang responden bagi mengumpul dialek yang digunakan di daerah tersebut. tempat yang menjadi lokasi pengkaji menjalankan kajian adalah di Pasar Siti Khadijah dimana majoriti peniaga dimonopoli oleh golongan wanita. Masyarakat di Pasar Siti Khadijah merupakan satu tempat yang strategik bagi pengkaji bagi mengumpul data-data kerana masyarakatnya adalah pelbagai. Dialek pertama yang pengkaji kutip adalah penggunaan perkataan “sake” yang membawa maksud banyak. Berikut merupakan jadual dialek yang pengkaji kumpul di Kota Bharu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Jadual 1.0: Dialek daerah Kota Bharu

| Ungkapan/ Dialek | Maksud |
|-------------------------|---|
| Kecap | Merasa sesuatu makanan |
| Guana | Bagaimana |
| Sake | Banyak |
| Ho | Ya |
| Gitu mo | begitu sekali |
| Duano | di mana |
| Ngoti | Sungguh |
| Bangat | Cepat |
| Gih | Pergi |
| Leseh | Timbul |
| Ghohok | Payah/ rumit |
| He | Apa dia |
| Loghak | Nak cepat |
| Pucuk nu | Jauh |
| Geletah | Gedik |
| Ngabe | Mengarut |
| Babir | Degil, perangai buruk tak boleh ditegur |
| Lorek | Menyanting (batik) |
| Kecik celeh | Kecil |
| Kecepe | Percakapan |

| | |
|---------|--------------------|
| Nak-nak | Tiap-tiap |
| Selarih | Selalu |
| Spagar | Dekat-dekat(jiran) |
| Setai | Setahil |
| Kotok | Pendek |
| Galok | Suka, riang |
| Botok | Gemuk |

Berlainan pula dengan dialek yang digunapakai oleh penduduk di Pasir Puteh, Hal ini kerana berdasarkan pemerhatian dialek yang masyarakat Pasir Puteh gunakan adalah sedikit berbeza kerana terdapat perkataan yang kedengaran tidak biasa digunakan didaerah lain. Bagi pengkaji sendiri setelah berada didaerah tersebut pengkaji dapat merasakan begitu janggal apabila responden mula menyebut dialek-dialek yang tidak dapat difahami maksudnya oleh pengkaji. Setelah meneliti tentang dialek di daerah Pasir Puteh dapat dikesan terdapatnya kehalusan pertuturan yang mereka gunakan iaitu perkataanya tidak menggambarkan maksud secara terus namun hal yang sebaliknya berlaku. Sebagai contoh yang dapat dilihat ialah perkataan “genaing” yang membawa maksud “sial”. Seakan-akan kedengaran agak halus sebutannya namun maksudnya adalah cukup mendalam. Berikut merupakan dialek-dialek yang telah dikumpul oleh pengkaji dalam kajiannya di Pasir Puteh.

Jadual 2.0: Dialek Pasir Puteh

| Ungkapan/ Dialek | Maksud |
|------------------|-----------------------|
| jolo | Sungguh |
| he | Tak dengar, tak faham |
| Heh/hih | Panggil |
| nyakno | Tak endah |
| Cerak-cerak | Lebat/ banyak (hujan) |
| So'oh | Kembung perut |
| pengah | Miang/gatal |

| | |
|-----------------|--|
| Cah keting | Buat jahat |
| kenak | Kacau |
| laehh | Letih |
| kelorek | Kedekut |
| bole | Rabun |
| jelaa | Nak sangat/usik makanan yang belum dimakan |
| Mureh | Marah |
| Wat ari | Bagi balik |
| Lokek | Halus, lembut |
| ghajut | Kantung |
| lonjong | Tinggi sangat |
| celabok | Jatuh sangat teruk |
| nyaknyo | Kesian |
| goghi | Permulaan membeli,,memakai sesuatu dan sebagainya. |
| neting | Melantun |
| Go | Apa dia |
| Kehek | Muntahkan semula |
| Jemok kiro | Berunding |
| mepah | Tak larat |
| Koho | Perlahan |
| ghohok | Payah |
| Kuca hanya | Bercelaru |
| nyaknyo | Kesian |
| Klikpah-klikpah | Terpinga-pinga |

| | |
|-----------|--------------------------|
| Pah | Habis tu |
| seloke | Silakan |
| Pekso | Tidak tahu |
| Genaing | Sial |
| Ugoh | Penakut/takut |
| Gode | Pukul |
| Lokeh | Keras kepala |
| Hados | Hantuk kepala ke dinding |
| Sengeleng | Sengaja |

Pasir Mas merupakan salah sebuah daerah yang terdapat dinegeri Kelantan. Setelah pengkaji menjalankan kajian didaerah tersebut dapatlah pengkaji mengetahui bahawa terdapatnya kelainan bahasa atau pertuturan dalam kalangan penduduk daerah Pasir Mas. Kelainan tersebut adalah seperti sebutan dialek yang kedengaran agak pelik sebutannya. Antara sebutan yang dapat pengkaji perhatikan ialah “gau” iaitu yang membawa maksud ‘apa dia’ sedangkan jika di daerah lain menyebutnya ‘gapo’. Dari kelainan itulah dapat menunjukkan perbezaannya dengan daerah yang lain. Berikut merupakan dialek yang telah dikumpul oleh pengkaji di daerah Pasir Mas.

Jadual 3.0: Dialek Pasir Mas

| Ungkapan/ dialek | Maksud |
|-------------------------|---|
| kerek | Acap kali |
| Luga balik | Rasa mual atau loya |
| Kain sehe | Kain basahan |
| Kekoh | Gigit, menggigit |
| Gemuk metong | Gemuk gedempol, gempal |
| Hungga | Berlari |
| Ngukah | Memanjat pokok |
| Seyek | Mengoyak, contoh kain atau kertas. |
| Gomo/kekkoh | Bergaduh |
| Dooh lalu | Melampau |
| Ngepek/belebe | Berleter |
| Koyok | Mengupas kulit. Contohnya mengupas buah-buahan. |
| Kahek | Memetik buah-buahan menggunakan galah panjang |
| Boyah | Perut buncit |
| Te/katok | Pukul |
| Gelegok | Mendidih |
| Tiga amah | Seringgit lima puluh sen (Rm 1.50) |
| Samah | Lima puluh sen (Rm 0.50) |
| Belana kokna | Banyak, bersepah |

| | |
|---------------|-----------------------------------|
| Derak | Bersiar-siar atau berjalan-jalan. |
| Petong/pekong | Melontar. |
| Kesik | Sunyi |
| Serebeh weh | Selekeh |
| Ngabe | Mengarut |
| Selehen | Terseliuh, tersalah urat. |
| Tekecong | Tertipu |
| gau | Apa dia |
| Tengak | Tak cukup |
| Jabir | Beg plastik |
| Nasaboh | Tak munasabah |
| Tumuh | Jatuh, terjerumus |
| Ghate-ghate | Tiba-tiba |
| Sede | Sengaja |
| slekenn | silakan |

Kuala Krai merupakan salah satu daerah hulu yang seringkali menyebut perkataan atau sesuatu dialek itu dengan lebih kasar ataupun dalam. Menurut Farok bin Zakaria dalam kajiannya, *Antara Wilayah Ulu Dan Hilir: Satu Tinjauan Perbandingan Terhadap Dialek Melayu Kelantan* menerangkan bahawa “Ungkapan sesuatu perkataan juga mempunyai hubungkait dengan nada ia disebut. Bagi orang hulu, sebutannya lebih keras dan dalam berbanding dengan orang hilir. Contohnya, ungkapan “silakan makan” disebut

“sleke make” oleh orang hilir dengan disebut “nn” dibelakang “slekenn” itu tadi dan juga disebut dengan “e” yang disengaukan dibelakang perkataan “make”. Namun begitu orang hulu, pula menggunakan perkataan yang lebih jelas tetapi kasar nada sebutannya seperti “hadaplah”...(makanan itu) atau ” sila makelah”.

Jadual menunjukkan dialek-dialek yang diperolehi oleh pengkaji didaerah Kuala Krai, dimana secara tak langsung dapatlah dikenalpasti beberapa dialek yang agak berbeza dengan daerah-daerah lain di Kelantan. Contoh yang dapat pengkaji cunghil ialah sebutan “bekeng”, dimana ia menunjukkan betapa dalam dan sedikit kasar perkataan tersebut, malahan maksudnya juga adalah dalam iaitu “garang”.

Jadual 4.0: dialek daerah Kuala Krai.

| Ungkapan dialek | Maksud |
|-----------------|--|
| Penamo | Membawa maksud apa dia atau apa. |
| malo | Ranum dan hampir rosak. |
| Ghumbu | terlalu penuh atau melimpah ruah. |
| Wo | Padan muka |
| Keghek | Acap kali |
| bedooh | Bermaksud sangat-sangat, betul-betul banyak dan juga memberi maksud sesuatu benda atau perkara tak dapat dibilang banyaknya. |

| | |
|-------------------------------|--|
| Jebo | Botol kaca |
| Kudo | Kerusi |
| Gere/ geghe gerobok | Katil |
| Cetong atau gelok | gayung yang diperbuat dengan tempurung kelapa |
| Temalor atau temalur | Bekas untuk menimba air yang diperbuat dari upih pinang atau upih nibung. |
| Gade | Penampi padi. |
| Nese | Manisan atau gula Melaka |
| Gelewak | Meyibuk |
| Lembek | Tilam |
| Parok/paghok | Kuat, berat. Contohnya makan terlalu banyak atau terlebih makan perkataan ini akan digunakan. |
| Debe/gedebe | Orang kuat atau gagah. Juga membawa maksud samseng |
| Bekeng | Garang |
| Busuk kohong atau busuk banga | Bau busuk yang teramat sangat. Perkataan 'kohong dan banga' menunjukkan bahawa bau busuk tersebut adalah kuat. |
| Asoh/kilir | Menajamkan senjata seperti pisau, parang dan juga pensel |
| Koho | Tunggu sekejap |
| Ghanya | Mengusik makanan yang belum dimakan/dikhuatiri makanan akan basi |
| Tepoh | Langgar |
| Kelat dehe | Rasa yang terlalu kelat. Perkataan 'dehe' digunakan bagi |

| | |
|--------------------|---|
| | menerangkan bahawa rasa tersebut adalah terlalu kelat. |
| Pete/beta | Petai. |
| Gi sepeghok | Membawa maksud seseorang telah pergi terlalu jauh dari pandangan. |
| Toho | Cetek |
| Gok | Reban ayam, kandang binatang |
| Belawok | Membawa maksud tipu atau menipu |
| Geloyok atau nelah | Melecet atau luka pada kulit. |
| Cok | Cangkul |
| Selut | Tanah yang lembik |
| Gorek | Pengasah pensel |
| Pongoh | Panas baran |
| Tebeng | Cuba |
| Saka | Gula |
| Kilah | Putar ataupun melilit kain pada pinggang kebiasaannya bagi orang lelaki yang memakai kain pelikat. |
| Kendo | Lebihan kain pada kain sarung yang dipakai oleh orang perempuan iaitu pada bahagian pinggang untuk simpan barang. |
| Cerak/ceghak | Tidak ambil perhatian, tak endah |
| Ghohok | Susah/payah |
| Jelik | Tersedak makanan/air |
| Ngepeng | Iklan, atau perbuatan seseorang yang pergi menawarkan |


| | |
|-----------|--|
| | sesuatu produk. Jualan langsung dari rumah ke rumah. |
| Tepoh | Langgar |
| dakk | Memukul atas belakang |
| Wat lolok | menipu |
| Dih | kan |
| Bekali | Barangkali |
| Seeh | Kembung perut |
| Cakduh | Tidak cermat |

Berdasarkan dapatan kajian diatas pengkaji telah dapat mengenalpasti dialek-dialek yang mempunyai maksud yang sama tetapi berlainan sebutannya. Keempat-empat daerah tersebut sebenarnya menggunakan loghat Kelantan yang mempunyai maksud yang sama dan perbezaannya ialah sebutannya yang kedengaran agak berlainan. Malahan sesetengah penduduk tidak mengetahui mengenai perkara ini. Semasa pengkaji mengajukan soalan kepada responden mengenai perbezaan dialek antara keempat-empat daerah ini, kebanyakan responden mengatakan percakapan orang-orang Kelantan adalah sama. Hal ini menunjukkan kebanyakan masyarakat Kelantan tidak mengetahui dan menganggap kesemua penggunaan dialek Kelantan dimana-mana daerah adalah sama. Adalah penting bagi pengkaji menyelongkar dan membuktikan bahawa penggunaan dialek di setiap daerah di negeri Kelantan mempunyai perbezaan samaada dari degi


bentuk sebutan mahupun maksudnya. Berikut merupakan perbezaan dialek yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Jadual 5.0: Perbezaan sebutan dialek di empat daerah.

| Daerah/ Ungkapan | Kota Bharu | Pasir Putih | Pasir Mas | Kuala Krai |
|---------------------|------------|-------------|----------------|-----------------|
| Dimana | Duano | Mano | Duano/mano | Mano |
| Bagaimana | Guano | Lagu mana | Guano/lagumana | Gano |
| Ya | Ho | He/yo | Ho | Ho'o |
| Pergi | Gih | Gi | Gi'i | Gi'gi |
| Apa dia | Heh | Go/gapo dio | Gau | Gapo/penamo |
| Sungguh | Ngoti | Jolo | Sunggoh/yolo | Sunggoh/sengoti |
| Kedekut | Kedekut | Kelorek | Dekut/kedekut | Kupik |
| Habis tu | Pahtu | Pah | Pahtu | Pahtu |
| Pukul | Te | Gode | Lepar | Te/ dakk |
| Sengaja | Sengajo | Sengeleng | Sengeleng | Sede |
| Silakan | Sleke | Seloke | Sleke | Silo |
| Gosok | Gosok | Genyeh | Gonyoh/gosok | Gonyoh |
| Berbuat jahat | Ngenat | cah keting | khenat | Ngenat |

Sebagai contoh yang dapat kita lihat perkataan ‘apa dia’ dimana masyarakat Kelantan di beberapa daerah menyebutnya dengan perkataan yang lain namun maksudnya adalah sama. Masyarakat di Kota Bharu menyebutnya ‘heh’ manakala di Pasir Puteh menyebutnya sebagai ‘go/ gapo dio’. Berlainan pula dengan masyarakat di Pasir Mas menggunakan sebutan ‘gau’. Di Kuala Krai pula menyebutnya sebagai ‘gapo/ penamo’. Meskipun sebutan yang digunakan adalah berbeza dengan bunyi yang berlainan, walaubagaimanapun ia masih juga membawa maksud yang sama.

Dalam masyarakat pada hari ini dapat pengkaji lihat semakin terpinggirnya penggunaan dialek dalam pertuturan harian. Hal ini kerana mungkin terdapat pengaruh yang sekali gus memusnahkan dialek klasik secara perlahan-lahan. Tanpa kita sedari dialek Kelantan mempunyai keunikannya yang tersendiri, Masyarakat di Kelantan sendiri secara tanpa sedar menggunakannya terutama golongan masyarakat warga emas yang banyak mengetahui tentang dialek-dialek klasik yang lama digunakan dalam keidupan mereka.

Daripada pemerhatian pengkaji juga, dapatlah pengkaji mengumpul beberapa dialek yang unik dan jarang digunakan oleh masyarakat Kelantan hari ini. Di daerah Pasir Puteh perkataan “cah keting” digunakan oleh masyarakat Pasir Puteh ianya kedengaran agak pelik sedangkan maksudnya ialah cukup sinonim iaitu bermaksud “buat jahat”. Keunikannya jelas menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan bukan cukup kaya dengan warisan budaya ketara dan tidak ketara malahan cukup kaya dengan keunikan

pertuturannya. Jadual 6.0 dibawah menunjukkan perkataan yang unik di keempat daerah iaitu Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan juga Kuala Krai.

Jadual 6.0: Ungkapan Unik

| Ungkapan Unik | Maksud |
|----------------------|--------------------|
| Nak-nak | Tiap-tiap |
| Sake | Banyak |
| Bangat | Cepat |
| Loghak | Nak cepat |
| Gelar | Mengejek |
| Selarih | Selalu |
| Ngabe | Mengarut |
| Cah keting | Buat jahat |
| Kelorek | Kedekut |
| Lonjong | Tinggi sangat |
| Celabok | Jatuh sangat teruk |
| Kehek | Muntahkan semula |
| Pekso | Tidak tahu |
| Genaing | Sial |
| Ugoh | Penakut |
| Lokeh | Keras kepala |

| | |
|-------------|-----------------------------------|
| Mureh | Marah |
| Laeh | Letih |
| Tak Degih | Tak lut/ kebal |
| Kahek | Memetik buah dengan galah panjang |
| Derak | Berjalan-jalan |
| Tengak | Tak cukup |
| Ghate-ghate | Tiba-tiba |
| Belana | Bersepah |
| Kesik | Sunyi |
| Serebeh | Selekeh |
| Keghek | Acap |
| Koho | Tunggu sekejap |
| Nelah | Luka/ melecet |
| Pongoh | Panas baran |
| Cerak | Tak ambil perhatian |
| Cakduh | Tidak cermat |
| Herok petok | Bengkok |
| Tebeng | Cuba |
| Saka | Gula |
| Kesok | Bergerak/ beralih |

| | |
|---------------|------------|
| Kosek/ ngosek | Buat jahat |
| Ketik | Kena gigit |
| Jirek | Memijak |

Secara sedar atau tidak negeri Kelantan sememangnya kaya dengan keunikan dialeknya yang tersendiri. Uniknyanya adalah kerana ianya merupakan dialek yang tersendiri, malahan begitu istimewa. Suatu masa yang akan datang dialek-dialek ini mungkin akan terus mengalami kepupusan dan adalah tidak mustahil akan menjadi begitu sukar untuk dicari ganti. Bukan sahaja menjadi cerminan dalam masyarakat malahan keunikan dialek dalam pertuturan masyarakat juga menjadi satu tarikan yang menunjukkan bahawa berlakunya transformasi dalam masyarakat pada zaman dahulu.

Sepanjang proses temuramah pengkaji terhadap responden, pengkaji dapat merumuskan bahawa tidak semua masyarakat Kelantan mengetahui bahawa wujudnya ungkapan unik yang tersendiri dalam dialek Kelantan. Walhal dalam percakapan mereka masih lagi menggunakannya walaupun tidak kesemuanya. Terdapat juga responden yang mengatakan bahawa dialek Kelantan yang digunakan adalah sama dalam setiap daerah, malahan juga mereka juga berpendapat bahawa adalah tidak penting mengetahui dialek daerah lain kerana ianya dianggap sama sahaja. Walaubagaimanapun persoalan ini seakan terjawab apabila pengkaji menunjukan soalan kepada responden yang terdiri dari warga emas, kebanyakan mereka tahu mengenai dialek-dialek yang kedengaran agak pelik

apabila disebut yang kini menjadi begitu unik namun masih lagi cukup sinonim bagi diri mereka kerana masih digunakan sehingga hari ini.

Meskipun demikian adalah menjadi satu kerugian kerana kebanyakan golongan masyarakat muda tidak mengambil tahu dan seakan tidak mahu memelihatanya daripada mengalami kemunduran. Malahan pengkaji dapat melihat jika dibawa golongan muda kedalam masyarakat warga emas, mereka mungkin akan menjadi seolah-olah 'mati kutu' kerana tidak dapat memahami percakapan yang masyarakat warga emas gunakan disebabkan kurangnya perhatian yang diberikan terhadap dialek sendiri kerana begitu asyik dengan peredaran masa sekarang iaitu mereka begitu asyik menggunakan bahasa Melayu standard sehingga melupakan bahasa tradisi sendiri.

Berdasarkan dapatan kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik ini pengkaji dapat merumuskan bahawa disebalik keseragaman dan persamaan dialek Kelantan malahan difahami oleh masyarakatnya namun masih terdapat perbezaan, hal ini dapat dikesan melalui setiap daerah yang sebenarnya mempunyai dialek mereka yang tersendiri yang mana hanya difahami oleh penduduk di daerah itu sahaja. Setiap perbezaan ungkapan itu juga adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu yang mengukuhkan lagi perbezaan dan keunikan yang ada di setiap daerah tersebut.

Secara keseluruhannya kajian ini dapat menjawab setiap objektif dan permasalahan yang dikemukakan. Meskipun kini masyarakat tidak lagi menggunakan

dialek tradisi ini dengan aktif ianya masih juga perlu dipelihara bagi tatapan generasi yang akan datang. Yang paling utama ialah ketekalan sikap dan pendirian pengguna dialek itu sendiri perlu mengukuhkan sifat kecintaan terhadap dialek negeri sendiri yang menjadi identiti diri seterusnya dapat dipupuk dalam masyarakat.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan tentang cadangan dan kesimpulan secara menyeluruh mengenai kajian yang dijalankan. Setiap cadangan yang diberikan haruslah merangkumi aspek kajian, dan bersesuaian untuk penambahbaikan dari segi individu, masyarakat, institusi, dan juga Negara. Selain itu juga setiap cadangan juga haruslah mampu membina dan berguna kepada pelbagai pihak supaya dapatlah dimartabatkan lagi dialek tradisi yang menjadi kebanggaan kita.

KELANTAN

5.2 Cadangan dan Kepentingan

Bagi mengukuhkan kedudukan dialek dalam kehidupan bermasyarakat pada hari ini, pelbagai langkah haruslah diambil bagi mengelakkan daripada berlakunya kepupusan terhadap khazanah berharga yang menjadi identiti masyarakat Kelantan dari dulu hingga hari ini. adalah menjadi satu kerugian yang besar jika masyarakat Kelantan kehilangan dialek negeri sendiri yang selama ini digunakan oleh nenek moyang kita. Meskipun dialek Kelantan kini tidak lagi diberi kepentingan kerana penggunaan bahasa Standard yang kini semakin meluaskan pengaruhnya dalam masyarakat, langkah strategic mampu memeliharanya daripada pupus.

Kajian Perbezaan Dialek dan Ungkapan Unik di Kelantan ini adalah penting bagi meneroka dan membongkar dialek-dialek yang terdapat di Kelantan. Masyarakat kini tidak lagi mengetahui bahawa Kelantan mempunyai ungkapan unik dan tersendiri yang semakin kurang digunakan oleh orang-orang Kelantan. Selain itu juga keunikan itu juga dapat dikesan bukan hanya merangkumi keseluruhan negeri Kelantan tapi dapat dikenalpasti terdapat disetiap daerah-daerah di Kelantan.

Generasi muda seharusnya memainkan peranan yang cukup penting dalam pengekalan ungkapan tradisi Kelantan ini supaya tidak terus ditelan oleh arus pemodenan. Seperti kita sedia maklum, pada hari ini generasi muda kian digalakkan menguasai pelbagai bahasa, terutamanya bahasa standard yang sememangnya digunakan dalam

setiap proses pembelajaran disekolah dan juga Institusi Pengajian Tinggi. Generasi muda hari ini beranggapan bahawa agak kolot sekiranya menggunakan dialek negeri sendiri dalam pertuturan mereka, Hal ini kerana kuatnya pengaruh dari luar yang lebih menguasai diri mereka seterusnya meninggalkan dialek tradisi negeri sendiri kerana lebih mengagungkan bahasa lain. Sedangkan dialek tradisi itulah yang menjadi titik tolak kepada komunikasi dalam sesebuah keluarga yang merupakan institusi pendidikan yang pertama bagi mereka sebelum melangkah ke sekolah.

Malahan juga ibarat “kacang lupakan kulit” ramai generasi muda hari ini mempertahankan ego mereka semata-mata kerana menganggap dialek tradisi negeri sendiri memalukan. Ini dapat dibuktikan dengan penghijrahan orang-orang Kelantan ke luar negeri terutama anak-anak muda tidak lagi menggunakan dialek-dialek masyarakat mereka sendiri, dengan menganggap bahawa adalah lebih moden jika menggunakan bahasa melayu standard daripada menggunakan dialek negeri. Generasi muda kini diibaratkan mencuba untuk menghapuskan identiti diri dan masyarakat mereka. Lain pula bagi yang berkeluarga dan menetap di luar negeri Kelantan setelah pulang ke kampung halaman masing-masing anak-anak tidak tahu untuk bertutur dan menggunakan dialek Kelantan yang digunakan oleh ahli keluarga. Oleh itu ibu bapa perlulah memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan ungkapan ungkapan tradisi masyarakat Kelantan. Hal ini kerana adalah perlu mengekalkan penggunaan dialek pada anak-anak muda supaya mereka tidak mudah lupa identiti diri disamping dapat memelihara dialek negeri mereka dari luput di telan zaman.

Selain itu juga, masyarakat warga emas juga seharusnya berkongsi dengan generasi muda tentang dialek-dialek tradisi yang mereka ketahui. Hal ini penting bagi menarik minat mereka supaya terus menggunakan dialek tradisi dalam pertuturan harian mereka. adalah perlu bagi warga emas, berkongsi ilmu yang dimiliki supaya pengekalan dialek tradisi dapat dilakukan dengan terus menerus, malahan juga generasi muda merupakan pewaris yang kelak akan menjadi penegak warisan pada masa akan datang. Oleh itu adalah perlu semangat kecintaan terhadap bahasa tradisi dipupuk pada masa mereka masih muda supaya mereka dapat terus menjadi pembela warisan yang begitu lantang bersuara demi mempertahankan hak mereka.

Selain itu juga ibu bapa seharusnya memainkan peranan bagi memastikan khazanah yang berharga ini menjadi kebanggaan dijiwa anak-anak mereka seterusnya menjadikan jiwa mereka kental untuk mempertahankan dialek tradisi nenek moyang mereka. Ibu bapa perlulah menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka sentiasa tahu dan menghargai jati diri mereka, keturunan dan juga identiti masyarakat mereka. Penggunaan dialek tradisi ini perlulah digunakan dalam komunikasi harian, hal ini penting bagi memberi galakan kepada anak-anak supaya mempertahankan warisan yang amat berharga ini. Disamping itu juga anak-anak juga boleh menguasai pelbagai bahasa bukan sahaja menguasai bahasa standard dan juga bahasa kebangsaan iaitu bahasa inggeris, tapi juga mampu menguasai bahasa tradisi iaitu dialek Kelantan sekalipun mereka berada di negeri lain mereka tidak akan melupakan negeri sendiri dengan pengekalan penggunaan dialek tradisi mereka mengikut kesesuaian.

Menurut UNESCO “bahasa yang paling berkesan dalam menyampaikan ilmu adalah bahasa bangsa itu sendiri”. Hal ini sama kaitannya dengan dialek tradisi masyarakat Kelantan yang kini semakin terbiar. Pihak kerajaan seharusnya mewajibkan setiap perpustakaan samaada perpustakaan di sekolah, Institusi Pengajian Tinggi mahupun perpustakaan awam mewujudkan satu pusat atau ruang yang khusus untuk bidang dialek sahaja. Hal ini penting supaya lebih mudah untuk setiap golongan samaada pelajar atau golongan pendidik itu sendiri mempelajari dan mengetahui dengan lebih mendalam dailek-dialek yang semakin dipinggirkan ini. sekali gus dapat menarik minat orang ramai samaada dari dalam mahupun luar negeri. Dialek tradisi Kelantan mempunyai keunikan yang tersendiri adalah perlu bagi pihak yang berwajib menerbitkan buku atau kamus mengenai dialek tradisi masyarakat Kelantan bagi mengumpul dan memelihara dialek tradisi ini dari terus mengalami kepupusan.

Kerajaan negeri juga seharusnya memainkan peranan penting, bagi memelihara dan memulihara bahasa tradisi ini dengan menubuhkan Bank Bahasa Tradisi khusus untuk dialek tradisi Kelantan, dimana pengumpulan dialek beserta keunikannya bolehlah dilakukan bagi menghalang kepupusan dialek dari terus berlaku dek arus pemodenan yang kian giat membangun. Disamping itu juga warga-warga emas atau ‘orang lama’ haruslah dicari dan ditemuramah bagi memperoleh dialek-dialek tradisi masyarakat Kelantan supaya lebih banyak dialek tradisi dapat dikumpul. Ini boleh dibuktikan dengan terdapatnya Bank Bahasa yang ditubuhkan dibawah badan Dewan Bahasa dan Pustaka dimana sebanyak 400 juta istilah telah dikumpul bagi memartabatkan lagi bahasa Melayu.

Pihak kerajaan negeri juga seharusnya menjadikannya sebagai contoh dengan menubuhkan 'Bank Bahasa Tradisi di negeri Kelantan supaya dapat mempergiatkan lagi pengekalan dialek tradisi tersebut.

Selain itu juga bagi memartabatkan lagi dialek ini ianya juga bolehlah diperkenalkan kepada pelancong samaada dari dalam atau luar Negara. Sebagai contohnya dalam persembahan kebudayaan yang diadakan seharusnya diwujudkan satu bahagian yang melibatkan warisan bahasa ini supaya dapatlah kita menarik minat mereka diluar sana meneroka dan membongkar kekayaan dialek yang menjadi hak milik nenek moyang kita suatu ketika dahulu, dan adalah merupakan satu kerugian jika warisan yang berharga ini dibiarkan luput. Sebagai contoh juga dapat kita lihat dalam persembahan Mak Yong drama tari ini menggunakan dialog 'loghat Kelantan' ketika mempersembahkan drama tari tersebut. adalah perlu bagi pihak berkaitan mempergiatkan lagi perkara tersebut kepada pelancong samada dari dalam mahupun luar negara supaya dapat memartabatkan bahasa tradisi tersebut.

Pengayaan khazanah bahasa tradisi 'dialek' untuk masyarakat juga boleh dilakukan bagi memartabatkan dialek tradisi ini. sebagai contoh badan-badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan Negara Berhad, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) hendaklah memainkan peranan mereka menerbitkan bahan ilmiah samaada dalam bentuk cetakan mahupun elektronik. Sebagai contoh ialah dengan menerbitkan bahan bacaan seperti komik, mahupun kamus mini yang khusus dan

difokuskan untuk dialek-dialek di setiap negeri, malahan ianya perlulah disertakan bersama terjemahan dalam bahasa Melayu standard mahupun bahasa Inggeris. Malahan juga dana yang khusus juga adalah perlu untuk menjayakan agenda memperkaya khazanah bahasa tradisi 'dialek Kelantan' ini.

5.2 Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian terhadap Perbezaan Dialek dan Keunikannya ini dapat memberi pelbagai faedah kepada masyarakat. Hal ini kerana dialek ini iaitu bahasa tradisi merupakan warisan tidak tampak yang perlu dijaga dan dipelihara bagi mengelakkannya dari mengalami kepupusan dalam masyarakat. Bukan sahaja mempunyai kepentingan yang tersendiri malahan juga merupakan satu bukti bahawa pada zaman dahulu ia digunakan dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Berdasarkan kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat kesan-kesan yang positif yang diperolehi. Bukan sahaja dapat mengenali dialek-dialek yang digunakan di daerah Kelantan malahan juga dapat mengenali keunikan yang ada pada dialek tersebut.

Dialek Kelantan dapat dibuktikan mempunyai perbezaan yang tersendiri di setiap daerah yang ada. Malahan kebanyakan masyarakat Kelantan juga tidaklah begitu tahu mengenai perbezaan ini. Hal ini kerana semakin kurangnya penggunaan dialek dalam pertuturan harian. Terdapat keistimewaan yang tersendiri iaitu pertuturan dan penggunaannya seolah-olah berkias namun ada juga secara dalam ataupun agak kasar.

Dialek tradisi yang berbeza dan unik ini juga seharusnya dipelihara dan digiatkan lagi penggunaannya supaya sentiasa ada kesedaran dalam diri seseorang individu mahupun masyarakat supaya terus menghargai khazanah berharga tersebut. Pelbagai langkah yang berkesan juga seharusnya diambil bagi mewujudkan generasi yang kelak akan membela nasib dialek tradisi daripada terus terpinggir.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood (2006). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah haji Omar (1993). *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bernd Nothofer(1997). *Dialek Melayu Bangka*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collin James T. (1995). *Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Sumatera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dr. Adli Hj. Yacob, Khuzaihan Zakaria (2008). *Kamus Bahasa Melayu*. Selangor. Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan* (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood (2002). *Guru Dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Media Printext (M) Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh, Rahim Aman (2007). *Linguistik Melayu Edisi Kedua* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Kertas Kerja

- Abdul Hamid Mahmood (1977). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Universiti Malaya.
- Adi Yasran Bin Abdul Aziz (2005). *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti*. Bangi. Universiti Putra Malaysia.
- Farok Zakaria. *Antara Wilayah Ulu Dan Hilir: Satu Tinjauan Perbandingan Terhadap Dialek Melayu Kelantan*. Universiti Malaysia Kelantan(UMK). Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah.
- Nicholas S.(2008).(terjemahan Marlysa Razak). Menyelamatkan Bahasa Oko. *Going Places*. November 2008.Malaysia Airlines .Com. Kuala Lumpur: Communications Division, Malaysia Airlines
- Wan Nor Izan Wan Jusoh (1986/87). *Fonologi Dialek Pulau Chondong*. Universiti Malaya. Jabatan Pengajian Melayu.
- Ybgh. Prof. Dr. Haji Awang Bin Sariyan (2011,November 30). *Dasar Bahasa Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Malaysia*.

Internet

Ahmad Bin Haji Awang. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Diperoleh Disember 15, 2011, Khamis 2:44 am daripada <http://www.angelfire.com/>

Fariza Nurbaya (2008, Ogos 23). *Dialek Kelantan Dan Keunikannya*. Diperoleh Disember 15, 2011, Khamis 2:39 am daripada <http://bmstpm.blogspot.com>

Mohd Fazli (2006, September 08). *Maghi Blaja Kkecek Kelate*. Diperoleh Disember 15, 2011, Khamis 2:52 am daripada <http://ilzaf.multiply.com>